

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

KENYATAAN MEDIA

7 DISEMBER 2018

ST Serbu Premis Kilang

Putrajaya, 7 Disember – Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini membuat serbuan terhadap sebuah premis kilang di Ipoh, Perak, kerana disyaki membuat penyambungan bekalan elektrik secara haram.

Serbuan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) di premis yang dipercayai dijadikan sebagai ladang perlombongan wang kripto (*crypto currency mining farm*) itu mendapat berlaku pengusikan kepada pepasangan meter milik TNB, yang merupakan kesalahan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

Pengusikan tersebut menyebabkan kerugian sekitar RM50,000 kepada TNB. Siasatan lanjut sedang dijalankan untuk tujuan pendakwaan di mahkamah di bawah peruntukan subseksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 dan jika sabit kesalahan, denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

ST ingin mengingatkan kepada semua pengguna elektrik di seluruh negara supaya menggunakan elektrik secara berhemah dan tidak mengganggu pepasangan meter elektrik milik utiliti. Sekiranya terdapat sebarang kejanggalan pada pepasangan elektrik, laporan segera perlu dibuat kepada pihak utiliti atau ST untuk tindakan lanjut.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairullati Mali

Unit Komunikasi Korporat

Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairullati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my / zairullati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.